



Jabatan Perancangan Dan Kawalan Bangunan  
**PERBADANAN LABUAN**

GARIS PANDUAN

# **PERMOHONAN KELULUSAN PELAN KERJA TANAH**

Unit Pusat Setempat (OSC)  
 Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan (JPKB)  
 Tingkat 1, Blok B,  
 Wisma Perbadanan Labuan  
 Peti Surat 81245  
 87022 W. P. Labuan

**BORANG SEMAKAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN KERJA TANAH**

Bil	Butir-butir / dokumen Yang Diperlukan	Pemohon	Pejabat
01.	Surat Permohonan Rasmi daripada Perunding Bertauliah. (Borang KT 1)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
02.	Surat daripada Pemilik / Pemaju. (Borang KT 2)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
03.	Sepuluh (10) Set Salinan Pelan Kerja Tanah bersaiz A1 dan sepuluh (10) Set Laporan Kajian Tanah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
04.	Satu (1) salinan CD bagi semua pelan. (Dalam format Autocad)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
05.	1 salinan Pelan Ukur dengan butiran kontur bersaiz A1 yang disahkan oleh Jurukur Bertauliah.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
06.	1 salinan Pelan dan Surat Kelulusan Kebenaran Merancang ATAU lain-lain dokumen yang membuktikan permohonan Kebenaran Merancang telah dimajukan (Jika permohonan dimajukan secara berasingan).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
07.	Kiraan dan Bayaran Proses Pelan Kerja Tanah atas nama Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan. (Rujuk Jadual Bayaran Proses)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**UNTUK DI ISI OLEH PERUNDING**

Nama / Cop Perunding : .....

Tandatangan : ..... Tarikh : .....

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

Nama Pegawai Penerima : .....

Tandatangan : ..... Tarikh : .....

## GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN KERJA TANAH

### 1. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- Borang semakan.
- Surat Permohonan rasmi daripada Jurutera Bertauliah.
- Tandatanganan Perunding dan Pemohon / Pemaju.
- Sesalinan Pelan Kelulusan Kebenaran Merancang.
- Semua butiran pelan-pelan keratin, panjang dan lebar perlulah disertakan.
- Sesalinan Pelan Ukur dengan butiran kontur, aras tanah, binaan sediaada, aras jalan sediaada, aras dasar parit-parit sediaada dan aras dasar parit air keluar hingga ke parit utama bagi lot cadangan dan sekitarnya yang disahkan oleh Jurutera Bertauliah.
- Bayaran proses pelan seperti di jadual.

### 2. PIHAK / JABATAN YANG DIRUJUK

- Jabatan Tanah (1 set)
- Jabatan Pengairan & Saliran (1 set)
- Jabatan Alam Sekitar (1 set)
- Jabatan Kerja Raya (1 set)
- Jabatan Ukur (1 set)
- Perbadanan Labuan (3 set)
- Pemohon (2)

### 3. TAJUK PELAN

- Tajuk Pelan hendaklah mengandungi perkara berikut :
  - a) Jenis Pemajuan / Pembangunan yang dicadangkan.
  - b) Jumlah Unit mengikut jenis yang dicadangkan.
  - c) No. Lot, Mukim dan Daerah.

### 4. ORANG YANG BERKELAYAKAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- Jurutera Bertauliah

### 5. KEPERLUAN AM

- Semua bentuk kerja tanah dicadangkan dan dijalankan di dalam sempadan lot pemohon sahaja. Jikalau melibatkan lot-lot bersebelahan, kebenaran tuan tanah hendaklah diperolehi.
- Keluasan kawasan pembangunan hendaklah dinyatakan dalam hektar/ekar.
- Semua Pelan Tapak hendaklah dilengkapi dengan aras bumi sediaada, cadangan paras tambahan dan juga aras bumi sediaada bagi lot-lot bersebelahan

- Paras jalan yang berdekatan / bersebelahan perlulah ditunjukkan di atas pelan.
- Aliran air hendaklah ditunjukkan hingga ke 'final discharge'.
- Semua ukuran hendaklah dinyatakan dalam metrik.
- Semua tembok penahan hendaklah ditunjukkan beserta rekabentuk.
- Semua pelan hendaklah ditandatangani oleh Perunding, Pemilik Bangunan dan Pemilik Tanah (tandatanganan mestilah) yang asal.
- Kolam takungan / kolam pemendapan perlulah diadakan dan ditunjukkan di atas pelan.
- Sediakan sistem parit tanah yang sempurna
- Sebagai langkah keselamatan kawasan kolam pemendapan yang dalam hendaklah dipagar.
- Tempat membasuh tayar lori perlu ditunjukkan.
- Pelan tapak hendaklah diwarnakan dengan menggunakan warna air (*planning colour*).
- Pelan tapak hendaklah diwarnakan seperti berikut :
  - a) Kawasan Tambak : Warna Hujau
  - b) Kawasan Potong : Warna Merah
  - c) Parit Tanah Sementara : Warna Biru
- Satu papan tanda hendaklah didirikan di atas tapak Kerja Tanah dan hendaklah mengandungi :
  - a) Nama dan Alamat Tuan Tanah dan Pemaju.
  - b) Nombor Lot, No. Rujukan dan tarikh kelulusan Pelan Kerja Tanah daripada Perbadanan labuan.

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada :

**UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)  
JAB. PERANCANGAN & KAWALAN  
BANGUNAN (JPKB)  
TINGKAT 1, BLOK B  
WISMA PERBADANAN LABUAN  
PETI SURAT 81245  
87022 W. P. LABUAN**

Peringatan :

Kerja-kerja tapak / pembinaan tidak boleh dimulakan sehingga Pelan Kerja Tanah mendapat kelulusan bertulis daripada Perbadanan Labuan seperti yang diperuntukkan di dalam **seksyen 70A akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974**

**BORANG KT 1**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Labuan  
W.P.Labuan  
**( U.p : Unit Pusat Setempat )**

Saya / kami dengan ini mengemukakan cadangan bagi kerja-kerja untuk projek seperti berikut :-

Tajuk Projek :.....  
(Selaras dengan .....  
Tajuk di atas .....  
Pelan ) .....

Kerja-kerja : \* Kerja tanah / jalan dan perparitan / lampu jalan

No. Lukisan :.....  
.....

Saya / kami dengan ini mengesahkan bahawa saya / kami telah dilantik sebagai Jurutera Perunding / Arkitek yang bertanggungjawab bagi menyelia kerja-kerja bagi projek tersebut di atas.

Saya / kami bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala rekabentuk dan perjalanan kerja-kerja tersebut.

Tandatangan	:.....	Nama & Alamat	:.....
(Jurutera / Arkitek)		Lengkap dengan	.....
Nama Penandatangan	:.....	Poskod Jurutera	.....
		Perunding / Arkitek	.....
Tarikh	:.....		.....

Cop Jurutera Profesional :.....

*(Jika borang ini dikemukakan oleh Jurutera Perunding)*

\* Potong yang mana tidak berkaitan

## BORANG KT 2

Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Labuan  
W.P.Labuan  
**( U.p : Unit Pusat Setempat )**

Saya / kami pemilik / pemaju projek yang tersebut di muka surat dengan ini mengesahkan bahawa Jurutera Perunding / Arkitek tersebut dilantik untuk mengemukakan pelan-pelan bagi pihak saya / kami.

Saya/kami dengan ini berjanji seperti berikut :-

1. Nama :.....  
Alamat lengkap :.....  
Jurutera Perunding .....  
Arkitek .....  
yang bertanggungjawab untuk menyelia kerja-kerja yang akan dikemukakan kepada tuan.
2. Saya/kami mematuhi sepenuhnya kehendak yang diperuntukkan di bawah seksyen 70 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
3. Pegawai-pegawai dan Jabatan tuan berhak untuk memasuki pada bila-bila masa yang munasabah untuk memeriksa kerja setor bahan-bahan binaan dan tapak dimana kerja tersebut dijalankan.
4. Saya/kami secara bersama-sama atau berasingan dengan Jurutera Perunding / Arkitek bertanggungjawab ke atas kerosakan harta benda dan lain-lain akibat dari kerja pembinaan tersebut.

Tandatangan & Cop :..... Nama & Alamat :.....  
(Pemilik/Pemaju) lengkap dengan .....  
poskod pemilik / .....  
Nama Penandatangan :..... Pemaju .....  
Tarikh :..... No. Telefon :.....

### **Nota:**

1. *Kegagalan mengisikan borang dengan lengkap dan tepat akan melambatkan proses kelulusan pelan tuan.*
2. *Pastikan penandatangan bagi pihak pemilik / Jurutera Perunding / Arkitek di dalam borang ini adalah sama / selaras dengan pelan-pelan yang telah dikemukakan.*

**JADUAL BAYARAN PROSES UNTUK PELAN KERJA TANAH**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>JUMLAH BAYARAN (RM)</b>	
		1.	Permohonan Kelulusan Pelan Kerja Tanah
		ii) 10 – 100 ekar	RM 250 per ekar
		iii) 101 – 200 ekar	RM 200 per ekar
		iv) 201 ekar atau lebih	RM 100 per ekar

Nota :

Pemohon diminta merujuk ke Jabatan Perancangan & kawalan Bangunan Perbadanan Labuan untuk maklumat lanjut dan pengesahan jumlah bayaran yang perlu disediakan.

## **GARIS PANDUAN PENGEMUKAAN PERMOHONAN KERJA TANAH**

- ( ) Kesemua pelan hendaklah disahkan dengan pengesahan piawai Jabatan ini yang berbunyi seperti berikut :-

*1 hereby certify that works have been designed by me in accordance with sound engineering practice and that I take full responsibility for the design and proper performance of the same.*

dan seterusnya ditandatangani dibawahnya oleh tuan.

- ( ) Sesalinan borang KT 1 dan 2 yang telah diisi dengan sempurna hendaklah dikemukakan.
- ( ) Sesalinan Perintah Pembangunan yang berkaitan dan sesalinan Pelan Tapak yang diluluskan oleh Jabatan Perancangan & Kawalan Bangunan hendaklah dikemukakan. Sila maklum bahawa hanya kawasan dimana kelulusan perancangan telah diberi sahaja yang boleh dipertimbangkan oleh Jabatan ini.
- ( ) Kesemua palan dan borang KT 1 dan 2 hendaklah mengandungi maklumat seperti berikut iaitu nama penuh alamat surat menyurat, tandatangan & cop pemilik dan perunding, dan nombor telefon.
- ( ) Seal Jurutera Profesional (Awam) berkenaan hendaklah dimeterikan di atas pelan-pelan dan borang KT 1.
- ( ) Kesemua gambarajah hendaklah diwarnakan. Bahagian potongan dan timbusan di gambarajah keratan hendaklah diwarnakan dengan warna yang berbeza dan selaras dengan yang ditunjukkan di atas pelan tapak.
- ( ) Sila kemukakan pelan lokasi yang mana ditunjukkan dengan jelasnya kedudukan tapakbina serta boleh digunakan sebagai panduan Jabatan ini bagi tujuan lawatan tapakbina.

- ( ) Sila tunjukkan dengan jelasnya lokasi parit/sungai/anakair dan lain-lain bentuk saluran (sekiranya ada) didalam pelan tapak tuan. Segala perubahan kepada parit/sungai/anakair yang sedia ada hendaklah ditunjukkan kepada Jabatan Pembentungan dan Perparitan.
- ( ) Nama, alamat dan tandatangan pemilik hendaklah ditunjukkan di atas kesemua pelan/borang KT 2 . Nama penandatangan bagi pemilik hendaklah ditunjukkan.
- ( ) Kerja-kerja tanah tidak dibenarkan memasuki lot bersebelahan melainkan kebenaran diperolehi secara bertulis daripada pemilik tanah tersebut. Surat hak milik bagi membuktikan kebenaran telah diperolehi daripada pemilik sebenar hendaklah dikemukakan.
- ( ) Sila nyatakan/tunjukkan jalan keluar/masuk (*Access road*) bagi tapak ini. Jalan masuk ke tapakbina hendaklah ditunjukkan bermula dari jalan besar/utama yang sedia ada serta mematuhi pelan tapak yang diluluskan oleh Bahagian Perancangan & Kawalan Bangunan.
- ( ) Kecerunan maksima yang dibenarkan untuk cerun potongan ialah 1:1 dan untuk cerun timbusan ialah 1:1 1/2. Kerjasama cerun hendaklah ditanamkan rumput dari jenis 'closed turfing' sebaik sahaja cerun siap dibentuk. Perkara ini hendaklah disahkan di atas pelan-pelan. Kira-kiraan bagi '*slope stability analysis*' hendaklah dikemukakan. '*Cut-off drains*' hendaklah dicadangkan bagi cerun yang melebihi 15'-0' tinggi.
- ( ) Tuan dikendaki berhubung dengan pihak TNB untuk mendapatkan persetujuan mereka bagi cadangan kerja-kerja tanah di dalam rezab TNB.
- ( ) Cerun adalah tidak di benarkan dalam rezab jalan bagi jalan yang akan diserahkan kepada PL. Sila tunjukkan sempadan rezab jalan dalam gambarajah keratan rentas.



- ( ) Senaskah spesifikasi kerja-kerja tanah / cerucuk yang telah disahkan dengan pengesahan piawai jabatan ini hendaklah dikemukakan.
- ( ) Sila jelaskan sama ada kerja-kerja cerucuk terlibat atau tidak. Sekiranya terlibat maka pelan yang menunjukkan lokasi cerucuk-cerucuk ditanam serta senaskah spesifikasi kerja-kerja cerucuk hendaklah dikemukakan. Jenis cerucuk hendaklah dinyatakan. Penggunaan cerucuk jenis H tidak dibenarkan.
- ( ) Sila nyatakan keluasan lot cadangan dalam unit hektar dan isipadu korekan bagi 'basement' dalam unit meter padu (sekiranya ada) supaya dapat dikira jumlah yuran kerja tanah yang akan dikenakan kelak. Sila kemukakan juga sesalinan surat hak milik untuk membuktikan keluasan tanah yang terlibat.
- ( ) Yuran kerja tanah sebanyak ..... dalam bentuk bank draft / money order / cashier's order cek hendaklah dibayar atas nama Ketua Pegawai Eksekutif dan dikemukakan melalui Jabatan ini.
- ( ) Butir-butir tembok penahan hanyalah untuk makluman dan rekod jabatan ini sahaja. Oleh itu sila tunjukkan butir-butirnya didalam pelan yang berasingan.
- ( ) Sila nyatakan :-
- (a) Jumlah isipadu potongan/timbusan bagi kerja tanah
  - (b) Kecerunan maksima (max gradient) bagi jalan-jalan yang dicadangkan. Adalah dimaklumkan bagi kecerunan hendaklah tidak melebihi 1:10 '*Vertical Curves*' yang sesuai hendaklah dicadangkan.

- ( ) Jalan masuk/keluar yang digunakan oleh kenderaan pembinaan semasa kerja-kerja tanah dan pembinaan dijalankan hendaklah ditunjukkan dengan jelasnya. 'Wash trough' bagi membasuh tayar lori hendaklah di cadangkan dibahagian tersebut. Butir-butir rekabentuk 'Wash trough' tersebut hendaklah dikemukakan untuk kelulusan.
- ( ) Sila jelaskan bagaimana caranya pihak tuan akan menyalurkan air larian (*surface run-off*) dari tapak hingga ke titik akhir pengalirannya semasa kerja-kerja tanah dijalankan. Air larian hendaklah disalurkan ke perangkap kelodak sebelum disalurkan ke sistem perparitan yang sedia ada.
- ( ) Perangkap kelodak, 'wash trough' bagi membasuh tayar lori, longkang tanah (*earth drain*) sementara dan 'cut-off drains' hendaklah dicadangkan secukupnya supaya pengawalan tapak dapat diadakan dengan memuaskan sepanjang masa kerja-kerja tanah dijalankan. Butir-butir serta lokasi tiap-tiap binaan tersebut di tapak hendaklah dapat dirujukan dengan jelasnya.
- ( ) Sila beri kiraan rekabentuk untuk membuktikan bahawa parit hilir sedia dan (*existing downstream water courses*) mencukupi untuk menampung air yang mengalir dari tapak ini supaya tidak ada mengakibatkan banjir kelak.
- ( ) Selaku jurutera perunding bagi projek ini, tuan dikehendaki mengesahkan seperti berikut :-
- i) *The finished level of the proposed roads and platform levels are such that they will permit connection of roads to adjoining existing or future roads.*
  - ii) *No ponding will occur as a result of thr proposed earthworks.*
  - iii) *No ancroachment into adjacent lot will occur.*